

Pening memikirkan anak remaja anda seolah-olah semakin jauh daripada anda? Usah risau kerana bukan anda seorang sahaja yang mengalaminya. Ada banyak ibu bapa di luar sana yang mengalami masalah seperti anda.



Langkah merapatkan hubungan anda & anak Remaja

Tidak dinafikan banyak anak remaja akan mula menjarakan diri dengan ibu bapa apabila mereka mula mempunyai kehidupan sendiri. Iaitu apabila mereka sudah ada kemahiran untuk berkawan dan membawa diri. Akibatnya anda mungkin akan hilang jejak segala aktiviti anak anda jika anda tidak mengawasi mereka dengan betul. Lebih buruk lagi jika anda anda terlibat dengan gejala yang tidak sihat dan anda tidak mengetahuinya. Sebelum terlambat, anda perlu segera merapatkan hubungan dengan anak remaja anda dan membimbing dia ke arah jalan yang benar. Berikut adalah enam langkah yang boleh anda jadikan paduan.

1 Perhatikan suasana

Ambil masa dan teliti semula hubungan anda dan anak anda. Berapa banyak anda berdua bercakap atau berinteraksi dalam sehari. Adakah dia pernah mengegur anda atau tidak pernah? Adakah anda pernah bertanya khabar kepadanya? Bertukar jujur dan nilai hubungan sebenar anda berdua. Dari sini anda boleh mencari jalan untuk rapatkan kembali hubungan anda berdua.

2 Fikirkan cara terbaik

Senaraikan cara yang anda fikir boleh merapatkan hubungan anda berdua. Anda boleh mengajak dia menyertai aktiviti yang anda rancang. Anda juga boleh merancang aktiviti yang dia minati dan ajak dia untuk turut serta. Fikirkan cara yang anda rasa berkesan dan membuatkan anda berdua rapat kembali.

3 Rancang rancangan terbaik

Rancang dengan teliti dan jelas bagaimana anda hendak pikat hati anak anda itu untuk kembali berkomunikasi dan berkawan dengan anda. Perlu diingat bahawa anak remaja tidak suka dianggap sebagai anak kecil. Sebaliknya mereka mahu anda anggap mereka sebagai orang dewasa. Oleh itu, untuk memahami kehendak anak anda jadilah kawan kepada mereka.

4 'Take action!'

Laksanakan apa yang telah anda rancang sebelum ini. Jangan putus asa. Setiap perancangan perlu dilakukan

dengan konsisten. Perbaiki atau tingkatkan lagi usaha jika kurang berjaya. Setiap masalah pasti dapat diselesaikan. Ingat, jangan mudah mengalah dan putus asa.

5 Fikir semula

Cara anda mungkin tidak berkesan. Namun jangan berputus asa. Sebaliknya cuba fikirkan cara yang lain pula. Jika berkesan, fikirkan juga cara untuk mengekalkan hubungan anda berdua.

6 Fokus pada matlamat

Untuk membimbing anak remaja ke jalan yang betul dan sihat, anda perlu jadikan dia sebagai kawan rapat anda. Anda perlu fokus untuk berkawan dan dapatkan rasa hormat daripadanya. Jangan terlalu keras ketika anda berkomunikasi sehingga dia rasa tidak selesa. Sentiasa senyum dan tenang adalah senjata terbaik untuk membuka jalan berkomunikasi dengan anak remaja anda. Anak akan menghargai setiap tindakan ibu bapa terhadap dia. Oleh itu sentiasalah membimbingnya dengan tabah dan gembira. <